



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000

Bil. : KEW.100-4/4 JLD. 10 (**58**)

Tarikh : **17** Januari 2023

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil, Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.2/2023

**PENETAPAN KRITERIA BAGI MEMPERTIMBANGKAN PERAKUAN PELUPUSAN KENDERAAN
KERAJAAN NEGERI SABAH**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeling ini bertujuan untuk menerangkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan bagi mempertimbangkan perakuan pelupusan bagi aset kenderaan milik Kerajaan Negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada masa kini, pelupusan sesebuah kenderaan Kerajaan Negeri dilaksanakan berdasarkan permohonan pelupusan yang dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah serta hasil penilaian teknikal yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, selaras dengan prosedur pelupusan dalam Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

- 2.2 Walau bagaimanapun, sehingga kini, belum ada kriteria tertentu ditetapkan sebagai panduan kepada Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah dalam mempertimbangkan pelupusan kenderaan Kerajaan, mahupun dalam merancang pengurusan kenderaan, terutamanya yang melibatkan pelupusan dan penggantian kenderaan Kerajaan di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah masing-masing.

“SABAH MAJU JAYA”



- 2.3 Sehubungan itu, pekeliling ini dikeluarkan bagi menetapkan kriteria-kriteria untuk mempertimbangkan perakuan pelupusan sesebuah kenderaan Kerajaan Negeri Sabah, samada Kenderaan Gunasama, Kenderaan Jabatan, mahupun Kenderaan Rasmi Jawatan.
- 2.4 Penetapan kriteria-kriteria bagi pelupusan kenderaan Kerajaan Negeri ini dilaksanakan bagi memudahkan pengurusan kenderaan yang sistematik, kemaskini dan teratur, disamping membantu dalam perancangan strategik penggunaan kenderaan di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah.

3. TAFSIRAN

- 3.1 Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti:
 - 3.1.1 "**Kenderaan Kerajaan**" ialah semua jenis kenderaan yang dibeli/sewa/pajak/pinjam atau yang diterima sebagai hadiah untuk kegunaan rasmi Kerajaan sebagai Kenderaan Gunasama, Kenderaan Jabatan atau Kenderaan Rasmi Jawatan;
 - 3.1.2 "**Kenderaan Gunasama**" ialah kenderaan yang digunakan untuk operasi Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah;
 - 3.1.3 "**Kenderaan Jabatan**" ialah mana-mana kenderaan selain daripada Kenderaan Gunasama atau Kenderaan Rasmi Jawatan yang digunakan khas oleh sesebuah jabatan, contohnya seperti bas, lori, jentera berat, motorsikal, kenderaan air dan seumpamanya;
 - 3.1.4 "**Kenderaan Rasmi Jawatan**" ialah kenderaan yang diperuntukkan khas mengikut kelayakan jawatan kepada Anggota Pentadbiran, Speaker/Timbalan Speaker, Ketua Jabatan, Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 54 dan ke atas atau yang setaraf serta Pegawai Gred 52 atau 48 yang menjadi pegawai pengawal;
 - 3.1.5 "**Kenderaan Konsesi**" ialah kenderaan yang dipajak daripada syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan.

4. KRITERIA PERTIMBANGAN BAGI PERAKUAN PELUPUSAN KENDERAAN KERAJAAN

- 4.1 Kenderaan Kerajaan yang hendak dilupuskan hendaklah merujuk kepada prosedur pelupusan aset alih dalam Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.
- 4.2 Bagi aset kenderaan, Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah hendaklah mendapatkan Perakuan Pelupusan (PEP) daripada Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Teknikal lain.

“SABAH MAJU JAYA”

- 4.3 PEP hendaklah disediakan bagi aset alih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti dalam Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Negeri, iaitu bagi Aset Mekanikal (kenderaan), yang mana nilai perolehan asalnya lebih daripada lima ribu ringgit (RM5,000.00).
- 4.4 Kriteria-kriteria yang akan dipertimbangkan untuk mendapatkan PEP, adalah seperti berikut:-
 - i. Tempoh penggunaan;
 - ii. Jarak perjalanan; dan
 - iii. Tahap penyampaian perkhidmatan.
- 4.5 Senarai terperinci kriteria-kriteria pertimbangan adalah seperti di **Lampiran 1**. Sesebuah kenderaan boleh dipertimbangkan untuk mendapat Perakuan Pelupusan apabila memenuhi **dua daripada tiga faktor** di atas.
- 4.6 Selain daripada kriteria di atas, kenderaan yang telah terlibat dengan kemalangan serta tidak ekonomik dibaiki juga boleh dipertimbangkan untuk dilupuskan, tertakluk kepada penilaian dan perakuan daripada Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Teknikal lain.
- 4.7 Prosedur pelupusan dan kriteria-kriteria pertimbangan bagi PEP tersebut hanya ditetapkan bagi pelupusan kenderaan milik Kerajaan Negeri Sabah sahaja. Prosedur dan kriteria tersebut tidak terpakai kepada kenderaan konsesi/sewaan di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah.
- 4.8 Kriteria-kriteria pertimbangan bagi PEP ini juga terpakai bagi Kenderaan Rasmi Jawatan yang dicadang untuk dilupuskan bagi tujuan penggantian.
- 4.9 PEP bagi kenderaan hanya boleh dikeluarkan oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan seperti berikut:-
 - 4.9.1 Dua (2) orang pegawai yang terdiri daripada seorang pegawai kumpulan Pengurusan dan Professional dan seorang pegawai kumpulan Pelaksana Gred 29 dan ke atas; dan
 - 4.9.2 Mempunyai kepakaran dalam bidang Mekanikal.

5. RUJUKAN PEKELILING

- 5.1 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.3/2022 - Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Negeri dan Pekeliling Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeri Sabah yang sedang berkuat kuasa.

“SABAH MAJU JAYA”

6. PENGUATKUASAAN

- 6.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta merta bermula tarikh ia dikeluarkan.
- 6.2 Surat pekeliling ini adalah juga dipanjangkan untuk digunakan oleh Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada polisi masing-masing.

7. PERTANYAAN ATAU KEMUSYKILAN

- 7.1 Sebarang pertanyaan atau kemosykilan berkenaan Surat Pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada:-
 - i. Unit Harta Awam, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam, Kementerian Kewangan Negeri Sabah; dan/atau
 - ii. Cawangan Kejuruteraan Automatif, Jabatan Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR)
Setiausaha Tetap

- s.k:
- (1) Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Setiausaha Kerajaan Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
 - (2) Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri,
Tingkat 10, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU
 - (3) Pengarah
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sabah,
Wisma Audit, KM 2.4, Jalan Tuaran
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN 1**KRITERIA-KRITERIA PERTIMBANGAN UNTUK MENDAPATKAN PERAKUAN PELUPUSAN (PEP)**

	TEMPOH PENGGUNAAN (minimum)	JARAK PERJALANAN (minimum)	TAHAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
MOTOSIKAL			
Motosikal	5 tahun	60,000 km	
KERETA			
Kereta Saloon/Sedan	7 tahun	150,000 km	
KENDERAAN TUGAS RINGAN			
Van ringan	7 tahun	200,000 km	Kekerapan kerosakan melebihi empat (4) kali setahun, yang mana menyebabkan kenderaan tersebut tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang atau kos pembalikan melebihi nilai semasa kenderaan berkenaan.
Kenderaan ringan pacuan empat roda	8 tahun	200,000 km	
Pengangkutan berat kurang dari 5 tan	8 tahun	200,000 km	
Lori Tipping kurang dari 6 cu.yd.	8 tahun	200,000 km	
Bas	10 tahun	200,000 km	
KENDERAAN TUGAS BERAT			
Pengangkutan berat 5 tan ke atas	9 tahun	250,000 km	Kekerapan kerosakan melebihi enam (6) kali setahun, yang mana menyebabkan kenderaan tersebut tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang atau kos pembalikan melebihi nilai semasa kenderaan berkenaan.
Lori Tipper 6 cu.yd. dan ke atas	9 tahun	250,000 km	
Trak membuang sampah	9 tahun	200,000 km	
KENDERAAN ISTIMEWA BUATAN TEMPAHAN			
Kenderaan kembalik (<i>recovery vehicles</i>)	15 tahun	200,000 km	Kekerapan kerosakan melebihi empat (4) kali setahun, yang mana menyebabkan kenderaan tersebut tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang atau kos pembalikan melebihi nilai semasa kenderaan berkenaan.
Kenderaan yang bermesin seperti kren bergerak, lori pembancuh konkrit, lori pemampat sampah dan lain-lain	15 tahun	200,000 km	
Pengangkutan Rendah (<i>Low Loader</i>)	15 tahun	200,000 km	